

05/09/2003

Ekonomi Malaysia tahan lasak: Lehman

Azli Ayob

KEMUNGKINAN Malaysia menghadapi satu lagi krisis kewangan dalam masa setahun akan datang adalah terlalu kecil, kata satu kajian bank pelaburan terkemuka dunia, Lehman Brothers (Lehman).

Penilaian positif bank itu dibuat berdasarkan kepada petunjuk dan kedudukan ekonomi Malaysia yang baik dilihat dari segi jumlah hutang luar yang sederhana.

Ahli Ekonomi Kanan Lehman, Rob Subbaraman, berkata lebih akaun semasa yang besar dan rizab tukaran asing tinggi berjumlah AS\$38 bilion (RM144.4 bilion) juga menyumbang kestabilan.

Katanya, risiko politik yang boleh memungkinkan berlakunya satu lagi krisis kewangan juga terhad kerana Malaysia sudah menetapkan pengganti kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan bersara Oktober ini.

"Kadar tukaran tetap Malaysia juga tidak kelihatan pincang ketika ini," katanya dalam kenyataan dikeluarkan di Kuala Lumpur, semalam.

Bagaimanapun, Subbaraman berkata, dalam jangka masa sederhana keanjalan kadar pertukaran yang lebih besar mampu membantu mengurangkan risiko wujudnya ketidakseimbangan luaran.

Beliau berkata, Asia secara keseluruhannya sudah mengurangkan dengan ketara risiko berdepan satu lagi krisis kewangan di rantau ini sejak tercetusnya krisis mata wang pada 1997/98.

Katanya, kajian Lehman mendapati kini wujud petanda jelas kemasukan semula modal sejagat secara besar-besaran ke rantau Asia.

"Justeru, rantau Asia kini dalam keadaan lebih baik untuk menempuh krisis kewangan akan datang," katanya.

Kajian Lehman terhadap kadar risiko krisis kewangan itu dibuat mengikut kaedah Damocles, iaitu sistem amaran awal yang dapat mengenal pasti kemungkinan adanya negara yang akan dilanda krisis kewangan.

Sistem itu mengukur keadaan 10 petunjuk ekonomi makro dan kewangan yang dipilih dengan teliti dan disahkan sebagai amat tepat dalam meramal krisis perbankan atau mata wang.

Berdasarkan sampel dan data lengkap pada krisis kewangan lalu di Asia, Eropah dan Amerika Latin, Damocles memberikan mata dan wajaran kepada pelbagai petunjuk.

Jika 10 pemboleh ubah itu secara kolektif berjumlah 75 mata atau lebih, sistem Damocles memberi amaran imbalan pembayaran sesebuah negara terdedah kepada bahaya krisis. Bacaan melebihi 100 mata menandakan krisis akan meletus pada bila-bila masa.

"Bagaimanapun, perkadaran sistem Damocles bagi Malaysia di bawah 10 mata, menunjukkan kemungkinannya menghadapi krisis dalam masa setahun akan datang amat kecil," katanya.

Lehman ditubuhkan pada 1850 dan sehingga kini berjaya mengekalkan kedudukannya sebagai pemimpin dalam industri ekuiti, dana pendapatan tetap dan perbankan pelaburan.

Firma perbankan itu berpangkalan di New York, London dan Tokyo serta beroperasi menerusi rangkaian pejabatnya di bahagian lain di seluruh dunia.